



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI KEDAH**

Aras G & 4, Zon C, Wisma Persekutuan
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Bandar Mu'adzam Shah, Mukim Anak Bukit
06550 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-7001000
Faks : 04-7001011/1068/1021
Helpdesk : 04-7352849/4012
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/kedah>

Ruj. Kami : ANM/KD/OPS/179 Jld.2 (25)
Tarikh : // Julai 2023

Y. Bhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan
Jabatan dan Pusat Tanggungjawab (PTJ)

MAKLUMBALAS KUIRI PEJABAT PERAKAUNAN : PENYELARASAN ISU TANGGUNGAN KONTRAK DAN LAIN-LAIN SENARIO

Dengan segala hormatnya surat Kementerian Kewangan (MOF.BPK (S) 600-14/28/2 (6)) bertarikh 25 November 2022 adalah dirujuk.

2. Seperti Y. Bhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan sedia maklum, peraturan semasa menetapkan **Pesanan Kerajaan hendaklah dikeluarkan terlebih dahulu sebelum bekalan/perkhidmatan/kerja diperoleh daripada pembekal.** Kementerian Kewangan (MOF) melalui surat "Penambahbaikan Proses Kelulusan Bagi Permohonan Pembayaran Melalui Invois Tanpa Pesanan Kerajaan (Invois Tanpa PK) Dalam Perolehan Kerajaan" bertarikh 25 November 2022 telah menjelaskan situasi yang kerap berlaku dan penurunan kuasa melulus kepada Pegawai Pengawal tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di **para 4** surat tersebut.

3. Sehubungan dengan itu, semua PTJ diminta untuk mematuhi ketetapan dalam surat MOF dan merujuk kepada Bahagian Akaun/ Bahagian Kewangan Kementerian masing-masing untuk memastikan pembayaran adalah teratur dan lancar serta mengelakkan sebarang kelewatan pembayaran kepada pembekal. Contoh senario yang kerap kali berlaku dan maklumbalas MOF berkaitan adalah seperti di Lampiran 1.

4. Perhatian dan kerjasama semua Y. Bhg. Datuk / Dato' / Tuan / Puan di PTJ berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian terima kasih.

" MALAYSIA MADANI "
" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "
"Memperkasakan Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,

MOHD AMRAN BIN ABD GHANI C.A.(M), CPA(M), BCN
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Kedah Darul Aman